

26/02/2003

Pakistan sokong syor PBB pantau jual senjata

reports on "Persidangan Ketua-ketua Negara atau Kerajaan Pergerakan PAKISTAN menyokong saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua penjualan dan pembelian senjata di mana-mana negara wajar dipantau oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Presidennya, Jeneral Pervez Musharraf, berkata keamanan sejagat hanya boleh dicapai jika dunia tidak berlumba-lumba menambah kelengkapan persenjataan masing-masing, sekali gus menimbulkan ketegangan di kalangan pihak bertelagah.

"Walaupun kita tidak boleh terlalu idealistik dalam isu ini kerana konflik tidak mungkin dihapuskan sama sekali dan penggunaan senjata sering kali menjadi kaedah menyelesaikan pertikaian.

"Namun, niat Dr Mahathir membuat cadangan ini wajar dihargai dan sekurang-kurangnya dijadikan iktibar untuk mencari alternatif bagi menyelesaikan perbalahan tanpa menjadikan peperangan sebagai rumusan kepada segala mas-alah.

"Dengan kemunculan globalisasi dan liberalisasi, hubungan antara negara akan meningkat dan mungkin sudah tiba masanya kita belajar hidup secara aman dengan mengurangkan konfrontasi," katanya dalam sidang akhbar semalam.

Musharraf berkata, tiada sesiapa pun yang mahukan peperangan. Tetapi ada ketikanya ia tidak dapat dielakkan kerana membabitkan soal nyawa serta keselamatan rakyat, menjadikan penggunaan senjata satu kemestian untuk mempertahankan diri.

Katanya, beliau sendiri sering mengecam kekejaman rejim Israel di Palestin dan ancaman Amerika Syarikat menyerang Iraq, tetapi terpaksa mendengar teguran dunia terhadap negaranya sendiri berhubung pendiriannya dalam isu Kashmir.

Musharraf turut yakin jika dua negara bertelagah dapat menyelesaikan masing-masing menerusi rundingan, ia akan memastikan keamanan serantau dan seterusnya boleh menjadi asas mewujudkan keamanan global.

Pada sidang akhbar itu beliau juga memarahi seorang wartawan Barat kerana mempersoalkan kemampuan pemimpin yang menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali di sini, yang dituduh tidak mendapat mandat daripada rakyat.

Musharraf berkata beliau tidak bersetuju dengan cadangan yang mereka tidak mewakili suara rakyat negara mereka.

Sebelum itu beliau ditanya oleh wartawan berkenaan: "Macam mana anda (NAM) boleh menjadi suara prinsip untuk mempengaruhi setiap kerajaan sedangkan ia mempunyai terlalu ramai pemimpin yang tidak dilantik yang tidak mendapat mandat daripada rakyat.

"Kenapa harus White House dan Downing Street mendengar cakap pertubuhan ini? Mana anda dapat kuasa itu?"

Musharraf menjawab: "Saya tidak bersetuju langsung yang kami bukannya suara rakyat."

Sementara itu, Pakistan mahu mengetahui hasil siasatan pasukan pemeriksa senjata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNMOVIC) terlebih dulu sebelum membuat sebarang pendirian berhubung hasrat Amerika Syarikat melancarkan serangan terhadap Iraq.

Musharraf berkata, selaku anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mempunyai hak mengundi, ia tidak boleh terburu-buru membuat keputusan sebelum meneliti segala fakta.

"Sama ada Iraq gagal mematuhi Resolusi 1441 PBB dan masih menyimpan senjata berbahaya hanya akan terjawab apabila ketua UNMOVIC, Hans Blix, mengemukakan laporan pemeriksaan terakhirnya.

"Sementara itu, Amerika Syarikat wajar akur dengan saranan PBB supaya laporan pemeriksaan senjata itu selesai terlebih dulu jika tidak mahu mengundang kecaman dunia dengan bertindak secara melulu," katanya.

Selain Pakistan, lima lagi negara NAM - Angola, Cameroon, Chile, Guinea, dan Syria - juga adalah anggota Majlis Keselamatan PBB.

Pendirian kumpulan itu mungkin penting dalam menentukan satu daripada dua resolusi yang akan mendapat sembilan undi yang diperlukan bagi kelulusan 15 ahli Majlis Keselamatan, kecuali satu daripada ahli tetap menggunakan kuasa veto menentanginya.